

## PENGLIBATAN MAHASISWA DALAM PENGIMARAHAN MASJID: SATU PENGALAMAN DI MASJID-MASJID ALOR SETAR

Mohd Fairuz Jamaluddin

[mfairuz\\_jam@gapps.kptm.edu.my](mailto:mfairuz_jam@gapps.kptm.edu.my)

Azalina Tatar

[azalina\\_tatar@gapps.kptm.edu.my](mailto:azalina_tatar@gapps.kptm.edu.my)

Naeem Siddiqi Mat Rasid

[naeem@gapps.kptm.edu.my](mailto:naeem@gapps.kptm.edu.my)

Jabatan Pengajian Umum  
Kolej Poly-Tech MARA, Bangi

*Peranan dan kepentingan institusi masjid perlu dilihat dari sudut yang lebih luas. Pandangan yang mengatakan masjid hanya sebagai tempat untuk beribadah dan hanya boleh melakukan aktiviti berbentuk keagamaan adalah tanggapan yang salah. Hakikatnya, masjid merupakan sebuah institusi yang perlu diimarahkan dengan pelbagai aktiviti yang meliputi aktiviti keagamaan, kemasyarakatan, ekonomi dan sebagainya. Bagi memenuhi tujuan ini, sokongan dan kesatuan daripada jabatan agama, jawatankuasa masjid serta masyarakat Islam itu sendiri khususnya golongan belia sangat diperlukan. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk meneroka penglibatan mahasiswa Kolej Poly-Tech MARA (KPTM) Alor Setar dalam mengimarahkan masjid. Lokasi kajian yang dipilih adalah Masjid Aman dan Masjid Putra yang terletak di Alor Setar, Kedah. Di samping itu, kajian ini turut menggunakan metode kualitatif dan kuantitatif iaitu kaedah tinjauan dan pemerhatian sepanjang aktiviti tersebut yang dilakukan oleh pelajar-pelajar KPTM Alor Setar. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa mahasiswa KPTM Alor Setar menunjukkan kemampuan mereka dalam mempelbagaikan aktiviti-aktiviti di masjid sebagai satu langkah dalam memastikan aktiviti yang dijalankan di institusi tersebut sentiasa mengikut peredaran zaman. Dalam pada itu, pelbagai usaha perlu dipertingkatkan lagi daripada pelbagai peringkat dalam menjadikan masjid sebagai sebuah institusi terpenting dalam Islam sejajar dengan arus perkembangan zaman ini.*

**Kata kunci:** mahasiswa, KPTM, masjid, Alor Setar

### **METODOLOGI KAJIAN**

Sasaran mahasiswa pada kajian ini melibatkan pelajar-pelajar KPTM Alor Setar dalam pengimarahkan dua masjid yang difokuskan iaitu Masjid Aman dan Masjid Putra yang terletak di Alor Setar, Kedah. Kajian ini turut menggunakan metode kualitatif dan kuantitatif iaitu kaedah tinjauan dan pemerhatian sepanjang aktiviti tersebut dilakukan oleh pelajar-pelajar KPTM Alor Setar.

## PENDAHULUAN

Di Malaysia, sejarah telah membuktikan kewujudan masjid sebagai sebuah institusi yang penting di Zaman Kesultanan Melayu Melaka di mana masjid dan surau berperanan sebagai pusat pembelajaran dan penyebaran agama Islam (Mohd Roslan & Wan Mohd, 2011). Jelas dalam catatan sejarah bahawa masjid telah memainkan peranan penting ke arah pembangunan insan dan masyarakat serta kegemilangan Tamadun Islam itu sendiri.

Namun, menjadikan masjid sebagai institusi pembangunan masyarakat Islam pada zaman arus kemodenan ini merupakan satu cabaran kepada umat Islam pada hari ini. Tambahan pula pada zaman moden yang penuh dengan pancaroba ini, remaja Islam dilalaikan dengan pelbagai tarikan luar yang menyebabkan mereka semakin jauh dengan masjid yang dihidangkan dengan dengan hiburan yang melampau, pergaulan bebas, gadget yang disalahgunakan dan gejala penyalahgunaan dadah. Realitinya, hanya golongan warga emas sahaja yang dilihat memenuhi ruang-ruang masjid.

Justeru, pembangunan masjid memerlukan sokongan dan kesatuan dari jabatan agama, jawatankuasa masjid dan yang penting sekali adalah masyarakat Islam itu sendiri dalam mengimarahkan masjid. Tambahan pula peranan mahasiswa dalam mengimarahkan masjid tidak boleh dipandang enteng oleh pihak pengurusan masjid kerana mereka dilihat sebagai aset masa depan negara. Ini kerana golongan ini sahaja yang tahu akan kehendak dan citarasa golongan belia mahupun kanak-kanak pada hari ini agar dapat melibatkan mereka dengan aktiviti-aktiviti masjid.

Usaha yang bersepadu bagi mempromosi dan menyemarakkan program-program di masjid-masjid seluruh negara perlu diperkasakan agar ianya mendapat tempat di hati setiap lapisan masyarakat. Untuk melaksanakan kerangka pengimarahkan masjid, pengurusan masjid dan golongan mahasiswa perlu menggembeling tenaga dan buah pemikiran secara bersama-sama bagi memberikan nafas baru sesuai dengan peredaran masa dan keadaan masyarakat supaya aktiviti yang dijalankan di masjid bukan sahaja memberi manfaat kepada golongan tertentu tetapi juga memberi manfaat kepada semua masyarakat tanpa melihat peringkat umur. Kebolehan dan kepakaran secara bersepadu digembeling secara bersama ini akan dimanfaatkan oleh anak kariah dan masyarakat setempat agar usaha ke arah mengoptimumkan fungsi masjid berjaya direalisasikan.

## LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian ini memfokuskan penglibatan mahasiswa KPTM Alor Setar dalam mengimarahkan dua buah masjid iaitu Masjid Aman dan Masjid Putra Kuala Kedah. Di samping itu, sepanjang aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan di dua masjid tersebut merupakan hasil usaha kerjasama antara mahasiswa dan pihak pengurusan masjid.

### 1) KARNIVAL AMAL MASJID AMAN

TEMPAT : MASJID AMAN DAERAH ALOR SETAR  
TARIKH : 31 MAC 2018

Pada 31 Mac 2018 yang lalu, sebuah program Karnival Amal tahunan telah dianjurkan selari dengan perancangan tahunan aktiviti Masjid Aman Daerah Alor Setar. Kali ini karnival tersebut

dilaporkan lebih meriah dan mendapat sambutan apabila seramai 7 orang pelajar Kolej Poly-Tech MARA Alor Setar menjalankan kerjasama dengan jawatankuasa masjid. Program kali ini diberi nama KARNIVAL AMAL MASJID AMAN 2018 dan diadakan di perkarangan Masjid Aman bermula jam 8.00 pagi hingga 4.00 petang dengan diwarnai pelbagai aktiviti berfaedah yang bertujuan bagi mengajak orang awam lebih ramai untuk hadir ke masjid. Program kali ini juga berjaya menarik hampir 300 orang awam menyertai pelbagai aktiviti program yang dianjurkan.



Gambar 1: Kain rentang CSR 1

Karnival tersebut juga telah menjemput beberapa agensi luar seperti Agensi Anti-Dadah Kebangsaan (AADK), Syarikat Telekom Malaysia (TM), JUMMEN Enterprise, dan Klinik Kesihatan Simpang Kuala bagi menjayakan pelbagai program yang diadakan. Pelajar-pelajar KPTM telah menganjurkan sebuah program khas yang menjadi tarikan utama dalam karnival ini iaitu Program Free Market yang merupakan sebuah program amal untuk membantu orang ramai dengan memberikan pakaian terpakai secara percuma. Hampir 400 helai pakaian telah disediakan pada hari program termasuklah baju kurung, tudung dan shawl, baju melayu, seluar jeans, baju T-Shirt dan lain lain lagi. Proses pengumpulan pakaian terpakai ini mengambil masa hampir sebulan setelah dihebahkan dan dianggap berjaya kerana dapat mengumpul jumlah pakaian yang banyak dalam waktu yang singkat.



Gambar 2: Jualan Free Market

Orang ramai yang tidak melepaskan peluang bagi mengambil pakaian secara percuma Program seterusnya adalah Pameran Bahana Dadah yang dianjurkan dengan kerjasama oleh Agensi Anti

Dadah Kebangsaan Kota Setar. Pameran ini diuruskan oleh dua orang pegawai AADK yang menawarkan beberapa perkhidmatan antaranya sesi soal jawab tentang dadah dan quiz.

Antara pengisian pameran adalah jenis-jenis dadah yang terdapat di Malaysia, kesan-kesan pengambilan dadah, usaha-usaha membanteras dadah dan agensi yang terlibat dalam proses pemulihan pengambilan dadah.



Gambar 3: Tapak Pameran Bahana Dadah oleh AADK Kota Setar

Pengisian program seterusnya adalah Pemeriksaan kesihatan Percuma oleh Klinik Kesihatan Simpang Kuala yang dilihat juga sebagai tarikan utama karnival kali ini. Pemeriksaan ini dijalankan oleh dua orang doktor dibantu oleh 4 orang jururawat dan seorang pegawai kesihatan yang memantau perjalanan program. Antara perkhidmatan pemeriksaan yang ditawarkan adalah Pemeriksaan BMI, ujian kadar gula dalam darah, ujian tekanan darah dan nasihat/kaunseling kesihatan oleh doktor yang berpengalaman. Rata-rata orang yang hadir pada hari karnival tidak melepaskan peluang keemasan ini bagi menjalani pemeriksaan percuma ini.



Gambar 4: Sesi pemeriksaan Kesihatan

Selain AADK dan Klinik Kesihatan, Syarikat Telekom Malaysia (TM) juga telah menghantar Team Unifi untuk membuka Booth TM yang menawarkan perkhidmatan pakej Internet baru iaitu UNIFI. Di samping itu, orang ramai boleh mendapatkan khidmat servis pelanggan di booth ini dan membuat bayaran bil tertunggak di kaunter yang disediakan. Penglibatan syarikat TM kali ini juga berjaya membantu dan membuka mata masyarakat setempat mengenai tawaran perkhidmatan Unifi yang banyak memberi manfaat.



Gambar 5: Team UNIFI dari TM point Alor Setar memberikan penerangan mengenai pakej Internet yang ditawarkan.



Gambar 6: Sesi perlawanan Pro Evolution Soccer 2017 bermula.

Di samping itu, terdapat dua pertandingan telah dijalankan pada hari karnival berlangsung. Bagi pertandingan terbuka iaitu PS4 Competition, seramai 40 orang penyertaan telah dilaporkan. Pertandingan ini menumpukan kepada permainan Pro Evolution Soccer 2017 (PES) iaitu sebuah video game bola sepak dan rata-rata penyertaan dimonopoli oleh golongan muda mahupun kanak-kanak. Pertandingan ini merupakan suatu kejayaan besar buat KPTM Alor Setar kerana berjaya menarik minat golongan muda ke Masjid Aman dengan menganjurkan aktiviti di luar kotak seperti ini. Ianya juga berjaya mengubah perspektif masyarakat mengenai masjid yang selama ini hanya menganjurkan program berbentuk ilmiah sahaja. Justeru, program sebegini berjaya menaikkan minat golongan belia terhadap sukan E-Sport yang semakin tular di kalangan masyarakat Malaysia.



Gambar 7: Salah seorang peserta lelaki bagi pertandingan azan

Bagi pertandingan tertutup pula telah diadakan pertandingan Azan dan Hafazan yang disertai oleh pelajar KAFA Masjid Aman. Seramai 16 orang pelajar telah dipilih guru KAFA sendiri bagi menyertai pertandingan pada hari tersebut. Pelajar-pelajar yang menyertai dianggarkan berumur 9 hingga 11 tahun ini berjaya menonjolkan bakat masing-masing.



Gambar 8: Aktiviti Gotong royong selepas Karnival

## 2) PROGRAM GEN Z PEMANGKIN SUNNAH RASULULLAH

TEMPAT : MASJID PUTRA KUALA KEDAH , KEDAH  
TARIKH : 7 APRIL 2018

Pada 7 April 2018 , sekumpulan pelajar dari Kolej Poly-tech MARA di mana ahlinya 10 orang, semester empat (4) dari program Diploma Sistem dan Rangkaain (CC103) telah menganjurkan program “Gen Z Pemangkin Sunnah Rasulullah” di masjid Putra, Kuala Kedah, Kedah.



Gambar 9: Kain rentang CSR 1

Program ini adalah anjuran bersama daripada pihak Masjid, serta kerjasama daripada pihak Otomen (Memanah) yang melibatkan 2 ahlinya dan pihak Algebra Barber Shop (Gunting rambut) yang terdiri dari 4 orang ahli. Pernyertaan ini melibatkan 40 pelajar di mana terdiri 20 orang pelajar dari Sekolah Kebangsaan Seri Pantai manakala 20 orang pelajar dari Sekolah Kebangsaan Haji Ismail. Orang ramai juga turut hadir bagi mendapatkan perkhidmatan gunting rambut secara percuma dalam program ini.

Program diadakan secara santai dengan mengadakan program-program seperti solat dhuha, *ice breaking*, hafalan doa, gunting rambut secara percuma terhad kepada 40 orang terawal dan acara sukan memanah. Kaedah santai yang digunakan akan memudahkan para peserta yang terdiri daripada pelajar sekolah rendah memahami mesej-mesej yang cuba dibawa.



Gambar 10: Pengisian program di sebelah pagi

Setelah selesai aktiviti hafazan doa-doa harian yang dikendalikan oleh pelajar-pelajar KPTM ke atas murid-murid sekolah, tempat jam 12.00 tengah hari mereka diberi rehat dan makan tengahari. Seterusnya berkumpul pada pukul 1.30 petang untuk sembahyang zuhur secara berjemaah antara murid-murid Sekolah Kebangsaan Seri Pantai dan Sekolah Kebangsaan Haji Ismail juga bersama ahli jawatankuasa program.



Gambar 11: Aktiviti memanah

Selesai solat, sampailah aktiviti kemuncak iaitu memanah di mana tujuan aktiviti ini adalah untuk mengajak kanak-kanak melakukan aktiviti sunnah Rasulullah SAW bagi merasai pengalaman mereka dalam aktiviti memanah.

Bagi menjadikan aktiviti memanah ini semakin menarik adalah dengan mengadakan pertandingan memanah di mana kumpulan lelaki berlawanan dengan kumpulan perempuan dan ianya berlangsung selama 4 jam iaitu sehingga pukul 4 petang. Aktiviti memanah ini dimulai dengan pelajar lelaki dahulu dan disusuli pelajar perempuan. Pusingan pertama hanyalah untuk memanaskan badan dan latihan. Pusingan kedua barulah diambil markah berdasarkan anak panah di sasaran. Selesai pusingan pertama dan kedua, pihak Otomen memilih pelajar yang terbanyak mengumpul mata dan dibawa ke peringkat terakhir.





Gambar 12: Majlis penyampaian hadiah

Setelah selesai pertandingan memanah maka semua pelajar dan fasilitator bersedia untuk melaksanakan solat asar secara berjemaah. Setelah selesai solat asar majlis penyampaian hadiah memanah terbaik bagi tempat pertama, kedua dan ketiga. Majlis bersurai pada pukul 5.30 petang dan peserta diberikan makanan sebelum pulang.

#### DAPATAN ANALISIS DESKRIPTIF

1	<b>NAMA PROGRAM/ AKTIVITI</b>	Karnival Amal Masjid Aman	GEN Z Pemangkin Sunnah Rasulullah
2	<b>PENGANJUR</b>	Kolej Poly-Tech MARA Alor Setar & Masjid Aman Daerah Alor Setar	Kolej Poly-Tech MARA Alor Setar & Masjid Putra Kuala Kedah, Kedah
3	<b>TARIKH</b>	31 Mac 2018	7 April 2018
4	<b>MASA</b>	8.00 Pagi – 4.00 Petang	7.00 Pagi - 5.00 Petang
5	<b>TEMPAT</b>	Masjid Aman	Masjid Putra Kuala Kedah
6	<b>AKTIVITI PROGRAM</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Free Market</li> <li>• Pertandingan Hafazan &amp; Azan</li> <li>• Pemeriksaan Kesihatan</li> <li>• Taklimat daripada AADK</li> <li>• E-Sport iaitu Pertandingan PS4</li> <li>• Gotong-royong</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Solat Dhuha</li> <li>• Hafalan doa</li> <li>• Aktiviti memanah</li> <li>• Perkhidmatan gunting rambut secara percuma</li> <li>• Gotong-royong</li> </ul>

Berdasarkan analisa pengkaji, menunjukkan bahawa aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh mahasiswa dan pihak pengurusan masjid telah mencapai objektif dalam pengimarahannya iaitu:

- Memberi didikan kerohanian dalam diri mahasiswa serta orang ramai yang menyertai program tersebut.
- Memupuk semangat perpaduan dan mengeratkan silaturahim sesama mahasiswa dan pihak masjid dengan aktiviti program yang akan dijalankan.
- Memberi kesedaran khususnya kepada mahasiswa yang terlibat tentang kepentingan pengurusan masjid terutamanya dalam menghadapi cabaran pada masa kini.
- Membantu golongan yang memerlukan melalui saluran program seperti Free Market.
- Memberikan pendedahan akan bahaya dadah dan kesannya terhadap masyarakat setempat.
- Menggalakkan masyarakat agar lebih giat dan cenderung dalam sukan E-Sport melalui program PS4 Competition.
- Membuka peluang kepada orang ramai bagi melakukan pemeriksaan kesihatan secara percuma.
- Membangkitkan kesedaran kanak-kanak terhadap kehidupan Rasulullah untuk dijadikan contoh akhlak yang perlu diikuti sebagai wadah mempertingkatkan kecemerlangan, kebahagiaan, amal, iman dan takwa.
- Membuka peluang kepada orang ramai bagi mendapatkan servis gunting rambut secara percuma.
- Mencuba pengalaman memanah di mana merupakan Sunnah Nabi atau sukan riadah Nabi Muhammad S.A.W
- Meningkatkan kemahiran dalam hafalan doa-doa harian kepada kanak-kanak

Justeru, peranan dan fungsi masjid tidaklah terhad kepada golongan lelaki dewasa sahaja malahan turut memberi ruang kepada golongan wanita, remaja dan kanak-kanak. Mereka juga adalah terdiri daripada komuniti masyarakat Islam itu sendiri. Oleh itu program-program yang dilaksanakan di masjid perlu bersifat realistik terhadap semua peringkat golongan. Dalam konteks remaja, program-program seperti sukan, sukaneka, pelajaran seni mempertahankan diri, senaman, futsal, pingpong, karom dan latihan memanah boleh dilaksanakan (Nazneen, Nurzatil Ismah, & Hasliza, 2014). Aktiviti-aktiviti ini boleh dilaksanakan dan sekaligus dapat menjayakan objektif pembangunan jasmani ummah itu sendiri serta dapat memupuk hubungan yang baik antara masyarakat dengan pihak masjid (Arman, 2009).

## **KESIMPULAN**

Secara rumusannya, konsep pengimarahannya hendaklah melibatkan pelbagai lapisan masyarakat tanpa mengira peringkat umur, jantina, kerjaya dan sebagainya untuk menjadikan peranan masjid menjadi realistik sesuai dengan peredaran zaman. Antara watak penting dalam pengimarahannya ini adalah mahasiswa kerana mereka dilihat sebagai aset masa depan negara. Ini kerana golongan ini sahaja yang tahu akan kehendak dan citarasa golongan belia mahupun kanak-kanak pada hari ini agar dapat melibatkan mereka dengan aktiviti-aktiviti masjid. Justeru, peranan mahasiswa tidak boleh dipandang enteng yang mana mampu membuat perubahan dan

memperkasakan lagi institusi masjid sebagai sebuah institusi terpenting dalam Islam sejajar dengan arus perkembangan zaman yang semakin mencabar ini.

#### **RUJUKAN**

- Arman, Z. (2009). *Mengimarahkan masjid sebagai nadi masyarakat*. Diakses daripada: <http://aki2004.wordpress.com/2009/11/20/mengimarahkan-masjid-sebagai-nadi-masyarakat/>.
- Mohd Fairuz Jamaluddin. 2018. *Pengenalan Masjid-Masjid Di Utara Malaysia; Satu Tinjauan*. KPTM Alor Setar.
- Mohd Roslan, M. N. & Wan Mohd, T. W. O. (2011). *Sejarah dan perkembangan pendidikan Islam di Malaysia*. Jurnal at-Ta'dib , 6(1).
- Nazneen, I., Nurzatil Ismah, A., & Hasliza, T. (2014). *Peranan dan sumbangan masjid As-Salam dalam pembangunan*. Proceeding of the International Conference on Masjid, Zakat and Waqf.
- Laporan Karnival Amal Masjid Aman. 2018. KPTM Alor Setar.
- Laporan Gen Z Pemangkin Sunnah Rasulullah. 2018. KPTM Alor Setar.